



"Kesyumulan Tarbiah Asas Amilin Rabbani"

RISALAH

UNIT PENERANGAN

Disediakan oleh: Unit Penerangan, Lajnah Dakwah dan Tarbiah, Keluarga Pelajar-pelajar Kelantan Mesir 2019/2020

Politik Dalam Islam

Mutakhir ini kita melihat umat Islam semakin mengambil berat berkenaan isu-isu politik. Hal ini kerana keperluan dalam mengetahui serta memahami politik semasa adalah satu tanggungjawab bagi mereka yang mengaku kasih akan negara. Oleh itu, kita memerlukan sebuah kefahaman bersumberkan rujukan daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Badiuzzaman Said Nursi pernah berkata: "Aku berlindung daripada syaitan dan siasah". Hal ini kerana hasil daripada mereka yang menggunakan atau berpolitik secara kotor. Walaupun begitu, Syeikh al-Islam yang terakhir pada zaman Khalifah Uthmaniyah, Syeikh Mustafa Sabri menganggap politik adalah perkara wajib bagi umat Islam yang berkelayakan dan mempunyai sifat-sifat kepimpinan. Ini kerana ia termasuk dalam urusan menegakkan syariat dan Daulah Islamiyah sebagaimana Baginda SAW mengasaskan Negara Islam Madinah.

Agar lebih memahami maksud politik, didatangkan beberapa definisi. Pertama, politik merupakan ilmu pengetahuan berkenaan pemerintahan. Definisi kedua, ia merupakan sesuatu berkenaan dengan pemerintahan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain. Definisi ketiga pula membawa maksud kelicikan, muslihat dan tipu muslihat yang bersumberkan daripada kamus dewan.

Selain itu, berdasarkan disiplin ilmu-ilmu Islam, perbahasan politik dibincangkan di bawah bidang fiqh dan bukannya di bawah bidang aqidah. Justeru, politik Islam sering dikenali dengan nama *al-Siasah al-Syar'iyyah*, *Fiqh al-Siasah al-Syar'iyyah*, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* dan lain-lain lagi.

Para ulamak juga telah bersepakat mengenai perkara tentang kewajipan melantik imam. Melantik imam atau pemimpin adalah perkara wajib kerana tidak mahu adanya unsur-unsur perpecahan. Berikut merupakan dalil daripada Imam Mawardi yang menyebut:

الإمامية موضوعة لخلافة النبوة في حراسة الدين وسياسة الدنيا به

Maksudnya: Imamah atau pemimpin utama adalah pengganti kenabian dalam mengawal agama dan mengurus dunia dengan agama.

Juga terdapat tokoh Islam yang menafikan sistem politik Islam dengan pelbagai hujah yang amat lemah dan telah disanggah oleh ramai ulamak serta cendekiawan Islam. Ini kerana Islam bukan sahaja

agama yang bersifat spiritual (ibadah antara manusia dan Tuhan) sahaja, tetapi ianya bersifat syumul. Antara mereka yang tidak bersetuju dengan politik ialah Ali Abdul Raziq dan Khalid Muhammad Khalid.

Selama berdekad sehingga hari ini, Barat amat kuat menentang hingga mampu mencambahkan fahaman politik yang songsang, contohnya mengatakan bahawa politik ini kotor manakala Islam ialah agama yang suci dan tidak boleh bercampur dengan dunia politik. Fahaman ini salah kerana politik adalah suatu perkara yang perlu bagi menegakkan agama sebagai satu cara hidup yang sempurna.

Syarat dan ciri bagi pemimpin utama ialah Islam, matang, adil dan bijaksana serta berkefahaman menyeluruh. Syeikh Fathi Yakan telah menukilkan di dalam bukunya Apa Erti Saya Menganut Islam, berkata: "Beramal untuk Islam adalah wajib dari sudut hukum. Menegakkan masyarakat Islam dan melaksanakan hukum-hukum yang diturunkan Allah hukumnya adalah wajib".

Sahifah Madinah sebagai asas perlembagaan. Di dalamnya terkandung perlembagaan Madinah. Bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang politik dan kepimpinan, perlu untuk memahaminya. Hal ini kerana undang-undang tertinggi bagi Negara Islam Madinah adalah undang-undang Islam. Kepentingan Perlembagaan Madinah ini juga sudah cukup menjadi bukti bahawa Islam adalah agama dan politik. Selain itu, perlembagaan ini juga telah berjaya menyatukan Madinah yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.

Perkara yang perlu dijauhi oleh pemimpin ialah zalim, khianat dan tamak. Tambahan lagi, menjadi pemimpin perlu untuk menjaga dan memahami asas kepentingan rakyat. Antaranya, apabila sesuatu perkara berlaku kepada rakyat, beliau hendaklah menganggap dirinya sebagai rakyat dan pemerintah adalah orang lain. Kedua, jangan menganggap penantian seseorang yang memerlukan pertolongan adalah hina. Ketiga, jangan menghabiskan waktu dengan kepuasan syahwat. Keempat, berusaha sekadar tenaga dan kemampuannya untuk memperolehi kepercayaan rakyat. Kelima, jangan berusaha mendapat restu rakyat sehingga melanggar keredaan Allah SWT. Keenam, sekiranya rakyat memerlukan hukuman, hukumlah mereka dengan sifat kasih sayang dan jangan membuta tuli. Ketujuh, berusaha berdamping dengan ulamak yang muttaqin serta yang soleh. Kelapan, bersungguh dalam meninggalkan sifat bermegah, bongkak dan garang. Yang terakhir, memastikan bukan sahaja dirinya tidak melakukan kezaliman tetapi keseluruhan mereka yang berada di bawah pentadbirannya.

Sebagai khulasah, Mufti Wilayah Persekutuan telah membuat kenyataan bahawa politik baru memerlukan pembaharuan yang munasabah, bertanggungjawab, amanah dan mengutamakan tuntutan Allah SWT. Sudah sampai masanya kita meninggalkan politik balas dendam, seperti anjuran Baginda SAW. Pemimpin yang berjiwa besar mempunyai hati tanpa dendam kesumat. Selain itu juga, sudah sampai masanya pemilihan calon yang akan menerajui kepimpinan adalah daripada kalangan yang benar-benar menepati syarat yang telah ditetapkan oleh Islam iaitu kuat, berilmu dan beramanah.

Ain Farhana binti Adnan Rosdi
Kuliah Syariah Islamiah,
Universiti al-Azhar, Mesir.

Rujukan: Bayan Linnas siri ke-209: Politik Dalam Islam